Sepertimana Berkuatkuasa
Pada Ogos. 2003

Penangkapan & Ikat-Jamin

Kempen Pengantaraan Dan Kesedaran Undang-Undang

BAR COUNCIL
LEGAL AID CENTRE SELANGOR
NO. 41A, JALAN BOLA JARING,
13/15 SECTION 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR.
TEL: 03-5510 7007 / 7008
FAX: 03-5510 7009

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

1. APAKAH ITU PENANGKAPAN?

Penangkapan berlaku apabila penyitaan atau sentuhan ke atas tubuh seseorang dilakukan bagi tujuan untuk memegang atau menahannya supaya menjawab sesuatu tuduhan jenayah atau menghalang berlakunya sesuatu kesalahan jenayah. Perkataan mungkin boleh menunjukkan penangkapan telah berlaku, tertakluk kepada keadaan sesuatu kes, seperti perkataan yang diucapkan kepada seseorang yang bertujuaan untuk memberitahu bahawa dia berada di dalam paksaan dan perlu menyerah.

2. BILAKAH PENANGKAPAN BERLAKU?

Sesuatu penangkapan boleh dilakukan oleh pegawai polis atau orang lain yang mempunyai kuasa undang-undang untuk melakukannya. Pegawai polis yang melakukan penangkapan hanya boleh berbuat demikian apabila timbul syak wasangka yang munasabah bahawa seseorang itu telah melakukan kesalahan.

Apa cara sekalipun yang perlu boleh digunakan untuk melaksanakan penangkapan jika seseorang menentang percubaan untuk menangkapnya. Menentang atau menghalang penangkapan merupakan sesuatu kesalahan di sisi undang-undang.

3. APAKAH HAK ANDA JIKA DITANGKAP?

Pegawai polis mempunyai tanggungjawab untuk memberikan penyataan beramaran kepada orang yang ditangkap, dan sebarang kenyataan yang dibuat selepas penangkapan tanpa terlebih dahulu diberi amaran, tidak boleh digunakan sebagai bahan bukti di waktu perbicaraan. Penyataan beramaran mesti diberikan, iaitu seperit berikut atau yang membawa maksud sepertinya :

"Adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memberi anda amaran bahawa anda tidak wajib berkata apa-apa atau menjawab sebarang soalan, tetapi apa-apa yang anda katakan, sama ada menjawab soalan atau tidak, boleh digunakan sebagai bahan bukti sewaktu anda dibicarakan kelak. "

Orang yang ditangkap mempunyai hak asasi di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk diberitahu secepat mungkin dalam bahasa harian, sebab-sebab penangkapan tersebut kecuali dimana andaian boleh dibuat mengenainya melalui keadaan persekitaran, atau jika dia menyebabkan kesukaran kepada si-penangkap untuk memberitahunya. Perlembagaan Persekutuan juga memberi orang yang ditangkap hak untuk meminta nasihat atau dibela oleh pengamal undang-undang yang dipilihnya, tetapi dia tidak perlu diberitahu oleh si-penangkap tentang wujudnya hak tersebut.

4. APAKAH KUASA GELEDAH YANG DIMILIKI OLEH POLIS?

Orang yang mempunyai kuasa untuk menangkap boleh menggeledah mana-mana tempat yang dimasuki oleh seseorang yang bakal ditangkap, dan boleh melakukan kemasukan secara paksa jika dihalang. Orang yang ditangkap boleh diperiksa dan sebarang benda yang dijumpai, yang dipercayai secara munasabah sebagai bahan bukti sesuatu jenayah, boleh ditahan sehingga orang yang ditangkap tersebut dibebaskan. Sebarang senjata merbahaya yang dijumpai pada orang yang ditangkap boleh dirampas. Seseorang yang berada dalam tahanan sah di sisi undang-undang yang gagal

memberikan butir-butir diri kerana kecacatan boleh diperiksa untuk menentukan nama dan alamatnya.

5. BERAPA LAMAKAH SESEORANG ITU BOLEH BERADA DI DALAM JAGAAN POLIS ?

Seorang pegawai polis yang telah menahan seseorang mestilah membawanya kehadapan Majistret tanpa kelengahan yang tidak perlu. Tahanan polis ke atas seseorang yang ditangkap tidak boleh melebihi 24 jam (tidak termasuk masa yang diambil bagi perjalanan daripada temapt penangkapan dan Mahkamah Majistret), kecuali dimana perintah reman telah diperolehi terlebih dahulu. Sebarang kekasaran yang dilakukan oleh pegawai polis ke atas seseorang yang berada di bawah tahanannya boleh dihukum di bawah Akta Polis 1971. Seseorang yang melepaskan diri daripada tahanan sah boleh dikejar dan ditahan oleh penjaganya.

1. APA ITU IKAT JAMIN?

Ikat jamin merupakan bayaran yang diberi bagi melepaskan seseorang yang telah ditahan atau dipenjarakan, untuk menjamin kehadirannya di mahkamah pada tarikh tertentu atau atas akujanji yang diberikan oleh penjamin-penjaminnya untuk mengemukakannya di mahkamah pada tarikh tersebut.

Terdapat empat ikatjamin iaitu :

- bond persendirian dengan jaminan
- bond persendirian tanpa jaminan
- bond dengan penjamin, tetapi tanpa jaminan
- bond dengan penjamin atau penjamin-penjamin, dan dengan jaminan

2. BILAKAH IKAT JAMIN BOLEH DIPEROLEHI?

Seseorang yang dituduh atas kesalahan yang boleh diikat jamin seperti penipuan, pemalsuan atau fitnah, adalah berhak disisi undang-undang untuk delepaskan atas ikat jamin sekiranya dia ditangkap atau ditahan tanpa waran oleh seseorang pegawai polis atau dihadapkan atau dibawa ke Mahkamah.

Bagi kes-kes yang tidak boleh diikat jamin seperti apabila orang yang dituduh melakukan infantisid, mencuri atau merogol, ikat jamin tidak sepenuhnya dilarang, tetapi boleh didapati atas budi bicara Mahkamah atau pegawai polis yang bertanggungjawab ke atas sesuatu daerah. Tetapi terdapat sesuatu pembatasan yang penting kepada kuasa budi bicara tersebut. Ikat jamin mesti ditolak jika wujudnya sebab-sebab munasabah untuk mempercayai bahawa orang yang dituduh didapati bersalah melakukan kesalahan yang boleh membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup, tetapi pengecualian boleh diberikan kepada seseorang dibawah 16 tahun atau seorang wanita atau seorang yang sakit atau uzur yang dituduh atas kesalahan tersebut.

Syarat-syarat mungkin dikenakan oleh Mahkamah apabila ikat jamin diberi (hanya untuk kesalahan yang boleh dijamin), contohnya orang yang dituduh dikehandaki menyerahkan paspotnya.
Kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan boleh mengakibatkan orang yang dituduh ditahan di bawah reman sehingga hari perbicaraan.

3. APAKAH FAKTOR-FAKTOR YANG AKAN DIPERTIMBANGKAN OLEH MAHKAMAH APA BILA MEMBERI ATAU MENOLAK IKAT JAMIN

Keputusan Mahkamah apabila memberi atau menolak ikat jamin bergantung terutamanya atas kebarangkalian orang yang dituduh melarikan diri atau kebarangkalian dia mengulangi kesalahan yang telah dituduhnya itu ketika diikat jamin. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Mahkamah mengenai orang yang dituduh termasuklah :

- jenis kesalahan yang dituduh
- kebarangkalian disabitkan kesalahan
- hukuman yang mungkin dikenakan
- pertalian saudara dan perhubungan dengan masyarakat di mana ia tinggal
- reputasi, taraf pekerjaan dan keadaan kewangan
- rekod jenayah yang lepas

Jumlah bond yang dikenakan mestilah cukup untuk memastikan kehadiran orang yang ditangkap dan tidak boleh terlalu tinggi.

1. BOLEHKAH IKAT JAMIN DIBATALKAN?

Permohonan untuk membatalkan ikat jamin akan dibenarkan jika disokong oleh bukti jelas bahawa orang yang dituduh mengganggu perlaksanaan keadilan dengan menggoda saksi-saksi – pengataan – pengataan kurang jelas yang membawa kesan tersebut adalah tidak mencukupi.

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

Komantar:- Sebelum seksyen 28A yang baru, seseorang yang ditangkap dibawah seksyen ini adalah selalunya tidak diberitahu alasan tangkapanya dan juga tidak diberikan haknya kepada peguam. Tambahan lagi, orang yang ditangkap juga dicabuli haknya untuk berkomunikasi dengan ahli keluarganya atau kawan-kawannya berkenaan dengan tahanannya.

Ini telah menyebabkan keluarganya dan/atau peguam tidak menyedari bilakah orang yang ditangkap itu akan dibawa ke Mahkamah untuk reman atau dituduh. Ini telah menyebabkan orang yang ditangkap direman dan/atau dituduh tanpa kehadiran peguamnya dan/atau keluarganya.

Komantar:- Seksyen 28A yang baru ini dengan jelasnya menyatakan hak-hak seorang yang telah ditangkap, oleh itu ia menjadi kewajiban kepada polis untuk mematuhinya. Di bawah seksyen baru ini, orang yang ditangkap bukan sahaja mesti diberitahu alasan tangkapannya, tetapi dia juga perlu diberikan hak untuk menghubungi seorang peguamcara atas pilihannya dalam tempoh 24 jam dari masa tangkapannya.

Seksyen 117 (2) :-

(a) Jika kesalahan yang sedang disiasat adalah dihukum dengan penjara tidak kurang dari empat belas tahun, penahanan hendaklah tidak lebih dari empat hari pada permohonan pertama dan hendaklah tidak lebih dari tiga hari pada permohonan kedua; atau

(b) Jika kesalahan yang sedang disiasat adalah dihukum dengan hukuman mati atau penjara untuk empat belas tahun atau lebih, penahanan itu hendaklah tidak lebih dari tujuh hari pada permohonan pertama dan hendaklah tidak lebih dari tujuh hari pada permohonan kedua.